

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
(HULU LANGAT)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan pembangunan Bandar Malaysia yang merupakan Bandar Bawah Tanah yang terbesar dan pertama di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Perancangan pelan induk pembangunan Bandar Malaysia pada masa ini adalah di peringkat awal di mana kelulusan Kebenaran Merancang ("KM") bersyarat telah dikeluarkan oleh Dewan bandar raya Kuala Lumpur ("DBKL") pada 21 Disember 2015 bagi pembangunan tanah seluas 486 ekar tersebut. Merujuk kepada kelulusan tersebut, sejumlah 354 ekar daripada jumlah keseluruhan

tanah adalah untuk tujuan pembangunan manakala selebihnya adalah untuk kegunaan kawasan lapang, infrastruktur dan utiliti.

Apabila keseluruhan pembangunan Bandar Malaysia ini siap kelak, ia dijangka akan mempunyai nilai pembangunan kasar atau *Gross Development Value* ("GDV") (dengan izin) sebanyak RM150 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Bandar Malaysia Sdn Bhd ("BMSB") akan menerajui pembangunan holistik metropolis baru ini. Pihak BMSB sedang dalam proses kajian dan perancangan untuk memuktamadkan ciri-ciri unik projek Bandar Malaysia yang antara lainnya:

- i. Bandar Malaysia akan dibina sebagai pembangunan berasaskan transit atau *Transit Oriented Development* ("TOD") (dengan izin), di mana penggunaan pengangkutan awam akan diberi keutamaan. Sebagai contoh, stesen terminal kereta api laju atau *High Speed Rail* ("HSR") (dengan izin) akan dibina di Bandar Malaysia. Stesen HSR tersebut akan digabungkan bersama MRT, KTM Komuter, ERL, BRT dan Lebuhraya Setiawangsa Pantai;

- ii. 5000 unit kediaman mampu milik akan dibina di dalam fasa pertama pembangunan Bandar Malaysia. Pembinaan rumah mampu milik ini akan mengutamakan konsep mesra kanak-kanak dan keluarga, kawasan yang selamat dan kualiti kehidupan yang tinggi;
- iii. Kawasan podium antara terbesar di dunia akan dibina dan dimajukan sebagai bandar raya “bawah tanah”, iaitu suatu konsep unik di mana penggunaan tanah akan dioptimumkan; dan
- iv. Pembinaan fasa pertama projek Bandar Malaysia dijangkakan akan bermula pada tahun 2017.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan akan menyediakan insentif yang bersesuaian bagi menarik syarikat berstatus antarabangsa dan individu dari seluruh dunia melabur di Bandar Malaysia.